

01/09/2002

Hubungan dengan negara jiran perlu ditangani secara bijak

Jamhariah Jaafar

DALAM dunia yang semakin hilang sempadan ini, sebarang kemelut atau konflik membabitkan antara dua negara terutama yang berjiran, tidak dapat tidak akan dirasakan seluruh warga kedua-dua negara dan kadang kala padahnya lebih buruk jika tersilap menanganinya.

Itulah yang terjadi sekarang dalam hubungan Malaysia - Indonesia. Angka segelintir warga republik itu yang membantah keputusan Kerajaan Malaysia untuk bertindak lebih tegas dalam menangani masalah pendatang tanpa izin di negara ini, ketegangan yang berlaku menjalar ke seluruh urat nadi kedua-dua negara.

Akibatnya, bukan saja hubungan kedua-dua kerajaan menjadi tegang, bahkan rakyat kedua-dua negara kini saling cuba mengelak daripada melawat sesama sendiri.

Sebenarnya, kedua-dua pihak perlu insaf akan hakikat sebenar. Malaysia memang pada suatu masa tidak lama dulu amat memerlukan tenaga kerja asing terutama dalam industri berat dan pembantu rumah.

Ketika itu, Malaysia menikmati rezeki yang sungguh mewah dan boleh dikatakan melimpah ruah, sehingga sanggup berkongsi kemewahan itu dengan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat negara jiran yang memerlukan bantuan.

Justeru, pendatang asing bukan saja dari Indonesia, bahkan dari seluruh pelosok dunia terutama negara dunia ketiga - Afrika, Myanmar, Bangladesh - membanjiri Malaysia yang dianggap sebagai 'lubuk emas'. Dalam pada Malaysia bersikap terbuka dan bangga dengan kehadiran mereka, namun keriangian itu kini semakin bertukar menjadi kegerunan dan kengerian terhadap betapa kehadiran mereka yang cuba mengail rezeki di negara ini, menjadi kebanjiran yang sukar dikawal.

Rakyat Indonesia yang miskin sanggup berhimpit dan bersesak di perut bot, masuk ke negara ini tanpa permit - bukan seorang dua, tapi angkanya masuk ratusan ribu atau mungkin pada satu masa mencapai jutaan.

Dan yang masuk bukanlah semua mahu mencari rezeki secara halal, sebaliknya ada yang tidak sabar untuk menjadi kaya dengan melakukan pelbagai kejadian tidak diinginkan sehingga ada yang menguasai hak dan kawasan yang sepatutnya hanya menjadi milik warga negara.

Namun, zaman itu sudah berlalu dan Malaysia belajar daripada pengalaman perit kejatuhan ekonomi yang hampir memusnahkan kerja keras yang meletakkan negara ini hampir setaraf dengan negara maju di dunia. Mimpi ngeri angkara penyangak mata wang dunia, menjadikan ia turut insaf bahawa pintu yang terbuka luas selama ini untuk orang asing mencari rezeki, terpaksa ditutup sedikit bagi memastikan anak bangsanya tidak menjadi mangsa bak pepatah 'kera di hutan disusui, anak di rumah mati kelaparan'.

Malaysia tidak pernah bertindak kejam dan tidak berpersi kemanusiaan terhadap pendatang tanpa izin. Pelbagai cara dan gerakan diadakan bagi memujuk pendatang tanpa izin keluar dengan baik dari negara ini. Kita tidak pernah menghalau mereka, sebaliknya memberi peluang jika ingin bekerja di sini ikutlah peraturan. Dapatkan permit yang halal, bukannya masuk secara haram.

Malaysia adalah sebuah negara berdaulat dan mempunyai undang-undang serta peraturan yang telah dikaji buruk dan baiknya. Negara ini tidak mampu untuk menampung jutaan pendatang tanpa izin kerana ia hanya sebuah negara kecil yang terpaksa menjaga periuk nasi warganya terlebih dulu.

Sikap sabar dan toleransi terhadap sesuatu perkara selalunya ada batas.

Begitu juga dengan Malaysia dalam menghadapi kemelut pendatang tanpa izin ini. Namun seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tindakan membakar Jalur Gemilang oleh segelintir rakyat Indonesia, bukan menggambarkan sikap majoriti rakyat republik itu.

Kita tidak bersikap `kerana nyamuk seekor, habis kelambu dibakar'. Namun, tindakan di luar dugaan segelintir rakyat republik itu, boleh menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara... tapi apa yang pasti hubungan antara rakyatnya sudah tercalar.

Agensi pelancongan Malaysia yang bertumpu ke Indonesia menerima tamparan hebat apabila ramai yang membatalkan tempahan. Syarikat yang mempunyai hubungan dengan Indonesia turut terjejas apabila secara tiba-tiba harga naik mendadak dan bekalan dari negara itu tidak dapat dibawa masuk dengan licin.

Itu belum lagi ditambah dengan kebimbangan bagi rakyat Malaysia yang berada di republik itu dan warga Indonesia yang berada di negara ini. Hanya satu kejadian tidak diinginkan berlaku, percikan api kemarahan boleh membakar seluruh jambatan yang wujud selama ini.

Bagi pendatang tanpa izin terutama dari republik itu yang masih berada di Malaysia, mereka perlu kembali ke tanah air dengan cara baik dan selamat. Rasanya, mereka telah mengumpul wang yang cukup untuk membayar permit atau segala tol yang lain, jika ingin kembali ke Malaysia dengan cara yang halal.

Tapi yang lebih penting ialah warga kedua-dua negara perlu lebih berhati-hati dalam melakukan sebarang tindakan atau mengeluarkan sebarang kenyataan. Kita tidak perlu menjadi jaguh jika sekadar ingin melagakan sesama rumpun.

Ikatan kukuh, baik dari segi semangat Asean, mahupun dari rumpun bangsa yang sama sebenarnya boleh diperkukuhkan lagi jika semua pihak mengambil tindakan mengikut prosedur dan peraturan.

Bagi Malaysia, dalam usia yang kini mencapai 45 tahun, semakin matang dalam membuat sebarang keputusan sebagai negara berdaulat. Apa yang pasti ia tidak akan tunduk dengan ugutan dari mereka yang hanya sekadar ingin menanggung di air keruh.